

**PM: Status-quo kerusi BN Sabah belum diputus**  
**Malaysiakini.com**  
**June 29, 2010**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, hari ini menegaskan belum sampai masanya memutuskan sama ada status-quo pengagihan kerusi Barisan Nasional (BN) di Sabah dikekalkan atau tidak menjelang pilihan raya akan datang.

"Belum sampai masanya kita buat apa-apa keputusan, kenapa orang nak melatah dan terlalu banyak riak pada masa sekarang.

"Saya belum membuat sebarang keputusan mengenai apa pun...Serahkan pada saya untuk memutuskan apa yang terbaik bagi Sabah.

"Pada masa ini, kita jangan terlalu teruja mengenai apa pun. Terlalu banyak politiking dalaman tapi walau apa pun ia, nasihat saya ialah tumpukan untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Kita mesti tunjuk, kita sebuah parti yang prihatin dengan rakyat di Sabah, itu yang penting sekali," katanya kepada pemberita selepas program tinjauan mesra beliau ke Pasar Lido, dekat Penampang.

Najib ditanya sama ada beliau mempertimbangkan untuk sebarang perubahan dari segi politik di Sabah berikutan permintaan parti komponen BN di Sabah supaya kerusi tertentu diberikan kepada mereka.